

## **Negaraku Sebagai Simbol Identiti Nasional: Perbincangan Menerusi Perspektif Primordial di Malaysia**

Siti Nurkhalilah Liana, Azizan Zainuddin, Anida Mahmood  
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Shah Alam  
Shah Alam, Selangor, MALAYSIA  
E-mail: [azizan\\_zainuddin@uitm.edu.my](mailto:azizan_zainuddin@uitm.edu.my)

### **ABSTRACT**

The creation of national symbols plays an important role in displaying the identity of a nation-state. The national anthem is the earliest national symbol used in the world. The unique structure of the national anthem has a strong impact on listeners. This can be seen through the creation of *Negaraku* as Malaysia's national anthem. Even though *Negaraku* binds each ethnic group as a symbol of identity, research regarding its significance is still limited in Malaysia. Furthermore, no studies still link the national symbols with the discourse of identity formation and the nation-state. Primordial perspective discussion in both areas is also limited because most discussions are through political and economic aspects. Therefore, this research paper aims to emphasize the significance of *Negaraku* as a symbol of the formation of Malaysian national identity through a primordial perspective. An integrative literature review analysis was conducted covering international and local reference sources, related articles and journals, and old newspaper clippings. The findings of the study found that *Negaraku* has a clear connection with the primordial elements in terms of history, ethnicity, language, culture, and tradition that contribute to the formation of national identity. In conclusion, this study can expand the spectrum of ethnic studies through the field of anthemology in Malaysia.

**Keywords:** *Negaraku*; primordial; national symbol; identity; national

### **ABSTRAK**

Penciptaan simbol negara memainkan peranan yang sangat penting dalam memaparkan identiti sesebuah negara-bangsa tersebut. Lagu kebangsaan merupakan simbol negara yang terawal digunapakai oleh seluruh dunia. Keunikan struktur lagu kebangsaan yang tidak ketara ini menjadikan ianya sebagai satu simbol yang memberikan impak yang kuat terhadap emosi pendengar. Hal ini dapat dilihat menerusi penciptaan *Negaraku* sebagai lagu kebangsaan Malaysia. Walaupun *Negaraku* menjadi pengikat kepada setiap etnik dan simbol identiti tetapi kajian mengenainya masih lagi terhad di Malaysia. Bahkan, tiada lagi kajian yang menghubungkan simbol negara dengan wacana pembentukan identiti dan negara-bangsa. Selain itu, wacana pembentukan identiti dan negara-bangsa di Malaysia dari perspektif primordial juga masih lagi terhad kerana kebanyakan diskusi adalah menerusi aspek politik dan ekonomi. Justeru itu, kertas kajian ini bertujuan untuk menekankan kepentingan *Negaraku* sebagai sebuah simbol pembentukan identiti nasional rakyat Malaysia menerusi perspektif primordial. Analisis secara tinjauan literature intergratif dilakukan meliputi sumber rujukan antarabangsa dan tempatan, artikel dan jurnal berkaitan dan keratan-keratan akhbar lama dalam rekod sejarah. Dapatan kajian mendapati bahawa *Negaraku* mempunyai perkaitan yang jelas dengan elemen primordial dari segi sejarah, etnik, bahasa, budaya dan tradisi yang menyumbang kepada pemebentukan identiti kebangsaan. Kesimpulannya, kajian ini mampu meluaskan spektrum kajian etnik menerusi bidang antemologi di Malaysia.

**Kata kunci:** *Negaraku*; primordial; simbol negara; identiti; kebangsaan

## PENDAHULUAN

Penciptaan simbol negara memainkan peranan penting dalam pembentukan negara-bangsa dan identiti kebangsaan sesebuah negara tersebut. Peranan simbol negara ini telah menjadi alat yang strategik dalam menyampaikan mesej identiti dan perpaduan negara (Cerulo, 1993; Benjamin, 2019). Tambahan pula, kewujudan simbol negara boleh dilihat secara lisan, visual mahupun ikonik seperti bendera negara, lagu dan bunga kebangsaan, jata negara mahupun mata wang yang digunakan. Hal ini kerana, tujuan utama penciptaan simbol negara ini adalah sebagai alat untuk menyatu padukan rakyat serta menyampaikan nilai patriotisma dan nasionalisma dalam kehidupan seharian mereka. Lazimnya, simbol negara secara jelasnya memaparkan budaya dan sejarah sesebuah negara di mata dunia. Justeru itu, kebanyakan simbol negara yang dicipta bagi setiap negara-bangsa adalah unik dan mempunyai pendekatan dari segi budaya, tradisi dan latar belakang sejarah bangsa (Benjamin, 2019; Shazlin, 2022).

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mencipta simbol negara dan hal ini telah dicatatkan di dalam sejarah Malaysia dengan penciptaan bendera dan lagu kebangsaan pada 1957 semasa persiapan kemerdekaan. Kedua-dua simbol ini dikenali sebagai Jalur Gemilang (bendera kebangsaan) dan Negaraku (lagu kebangsaan). Bahkan, kedua-dua simbol ini merupakan lambang pertama yang menjadi kebanggaan dan maruah yang dipegang oleh setiap rakyat Malaysia dalam kepelbagaian budaya dan etnik (Shazlin, 2018, 2020, 2022). Namun begitu, kertas kajian ini hanya akan memfokuskan kepada lagu kebangsaan sebagai alat pembentukan identiti nasional kerana ianya merupakan simbol negara terawal yang dicipta bagi mewakili negara di mata dunia. Lagu kebangsaan juga berfungsi sebagai 'modern totem' yang digunakan kebanyakan negara dalam mewujudkan ikatan, memperkukuhkan kuasa formal dan memotivasikan tindakan patriotik dalam masyarakat (Mead, 1980; Reed & Bristow, 1987; Crampton, 1990; Cerulo, 1993, Waterman, 2019; Khalilah. 2020).

Struktur unik dalam lagu Negaraku yang tidak ketara<sup>1</sup> seperti simbol-simbol negara yang lain menjadikan ianya kurang untuk dikaji. Berbeza dengan kajian Jalur Gemilang sebagai identiti negara, ianya banyak disiarkan secara meluas melalui mana-mana platform untuk difahami kerana penggunaan warna dan simbol dalam bendera memudahkan orang ramai memahami intipati nasionalisma berbanding lagu kebangsaan (Elgenius, 2005, 2011; Shazlin, 2022). Kekurangan struktur material yang sukar untuk dilihat dengan mata kasar dan hanya boleh dihayati menerusi melodi menjadikannya ianya unik dan sukar untuk dikaji. Tetapi lagu kebangsaan memberikan impak yang kuat terhadap ikatan emosi terutamanya kepada pendengar (Waterman, 2019; Nancy, 2002). Sehingga kini, hanya ada dua tokoh terkemuka yang menjadi pelopor terhadap kajian Negaraku iaitu Dr Shazlin Hamzah dan Saidah Rastam. Kedua-dua tokoh ini menjurus kepada kajian mengenai perkembangan muzik di Malaysia dan kesannya terhadap intergrasi nasional. Malangnya, walaupun Malaysia kaya dengan pelbagai simbol kebangsaan, kebudayaan dan tradisi, tetapi ianya masih gagal untuk diterapkan di dalam proses pembentukan identiti nasional. Hasilnya, konsep identiti nasional masih lagi kabur sehingga kini.

Unsur kebudayaan dan tradisi yang diterapkan di dalam penciptaan lagu Negaraku mencerminkan kepentingan lagu ini terhadap identiti negara (Shazlin, 2021; Khalilah, 2020; Waterman, 2019). Melihatkan kepada sejarah pembentukan Malaysia, budaya, tradisi, kaum, dan bahasa telah menjadi elemen yang membentuk Malaysia hari ini. Elemen-elemen ini juga dikenali sebagai elemen primordial. Namun begitu, kebanyakan perbincangan identiti nasional di Malaysia hanya memfokuskan kepada perspektif politik dan ekonomi semasa sahaja. Corak perbincangan identiti nasional sejak kemerdekaan lagi adalah berdasarkan kepada kontrak

sosial antara tiga kumpulan etnik majoriti iaitu Melayu, Cina dan India. Bagi mencapai kemerdekaan, setiap kumpulan etnik bersetuju untuk bersatu berdasarkan kontrak tersebut yang meliputi kelebihan kedudukan politik dan ekonomi setiap kaum (Shamsul, 1996, 2004, 2022; Murad, 2019; komunikasi peribadi, 2022). Manakala, elemen primordial ini diabaikan dan hanya menjadi topik perbincangan dalam konflik antara kaum di Malaysia. Bahkan, kerajaan masih lagi gagal menghasilkan takrifan identiti nasional yang kukuh yang boleh difahami dan dihayati oleh setiap etnik (Ahmad Murad, komunikasi peribadi, 2022; Shamsul, 1996). Masih lagi tiada kajian yang menjurus kepada kepentingan Negaraku dalam pembentukan identiti nasional. Apatah lagi, diskusi mengenai pembinaan negara-bangsa dan pembentukan identiti nasional dari perspektif primordial.

Seharusnya, konsep identiti nasional perlulah difahami orang ramai dan berkait rapat dengan amalan kehidupan seharian masyarakat tersebut. Justeru itu, unsur primordial dari segi budaya dan tradisi secara asasnya menyumbang kepada kekuatan identiti nasional khususnya dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Oleh itu, kertas kajian ini bertujuan untuk menekankan kepentingan Negaraku sebagai sebuah simbol pembentukan identiti nasional rakyat Malaysia menerusi perspektif primordial. Manakala, objektif kertas kajian ini adalah untuk mengkaji elemen primordial terhadap pembentukan identiti nasional dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia menggunakan Negaraku sebagai medium utama.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **ELEMEN PRIMORDIAL**

Secara asasnya, primordial boleh ditakrifkan sebagai elemen terawal yang menyumbang serta menjelaskan evolusi hubungan antara manusia (Shahabudin, 2014; Chiara, 2022). Hubungan inilah yang menjurus kepada pembentukan sesuatu negara- bangsa tersebut. Penemuan sejarah purba yang ditemui memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat serta identiti sesebuah negara tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi penemuan Batu Bersurat di Kuala Terengganu dan rangka Perak Man yang dijumpai di Lenggong, Perak. Melalui penemuan inilah, penjelasan budaya, tradisi, etnik dan bahasa menjadi kunci kepada kewujudan sesebuah negara sehinggalah ke generasi masa kini (Smith, 2000; Connor, 1993, 1994; Coakley, 2017; Chiara, 2022).

Okrimli (2017) juga menyatakan bahawa primordialisma ini berfungsi sebagai istilah utama yang menggambarkan konsep kewarganegaraan sebagai bahagian terawal dan aspek semula jadi manusia. Beliau juga menyifatkan bahawa primordialisma ini boleh dilihat menerusi pertuturan, penglihatan atau bau yang sentiasa berlegar di sekeliling manusia dan ianya akan terus berkembang untuk selama-lamanya. Bahkan, konsep ini boleh dibentuk berdasarkan pandangan orang awam tentang negara dan nasionalisma kerana kebanyakan elemen tersebut berkait rapat dengan amalan harian dalam kumpulan manusia tersebut. Muro (2015) menyenaraikan konsep primordial ini adalah salah satu daripada tiga aliran pemikiran utama dalam menjelaskan asas identiti selain dari dua konsep utama lain iaitu instrumentalisma dan konstruktivisma.

Malangnya, pandangan ini telah dipinggirkan dalam kajian identiti kerana instrumentalisma dan konstruktivisma menolak primordialisma dalam kajian identiti (Shahabudin, 2014; Chiara, 2022). Bahkan, Wimmer (2013) juga mengulas perkara yang sama apabila beliau menyatakan “kajian teori identiti hanya tertumpu pada hagemoni konstruktivisma dan kemunculan konsensus konstruktivisma yang meminggirkan pandangan primordialisma ini.” Walau bagaimanapun, pemerhatian dan kajian sosiologi terkini

menunjukkan pengiktirafan kepada tafsiran primordial ini. Hal ini dapat dilihat menerusi penyelidikan primordial yang digunakan dalam kajian identiti nasional pada abad ke-21 seperti Jackson-Preece (2010), Shahabudin (2014), Haque (2015), Dieckhoff (2016), Mahmudlu (2017) dan Chiara (2022). Kesemua penyelidikan menunjukkan bahawa konsep primordial adalah topik yang masih lagi relevan dan penting untuk dibahaskan terutamanya dalam nasionalisma dan kesusasteraan teori identiti nasional.

Konsep primordial di dalam kajian sosiologi dan identiti adalah berdasarkan kepada elemen keterikatan primordial (*primordial attachment*) yang menjadi asas utama dalam setiap perbincangan dan perbahasan konsep ini. Secara mudahnya, ia boleh difahami sebagai sebahagian daripada pembentukan kumpulan etnik kerana ianya mustahil untuk menolak komponen etnik apabila membincangkan mengenai pembentukan sesuatu negara-bangsa. Etnik memainkan makna sosial yang berkait rapat dengan emosi serta talian persaudaraan (Grosby, 1994; Shahabudin, 2014). Kumpulan etnik adalah berlainan dan unik berbanding kumpulan sosial yang lain kerana kriteria formatif mereka ini berdasarkan kepada ciri yang 'diberikan' atau 'andaian yang diberikan' serta sosio-sejarah yang dibinakan oleh etnik tersebut. Geertz (1963) juga mengulas perkara yang sama apabila beliau menyatakan "... keterikatan primordial bermaksud salah satu cabang yang 'diberikan' atau lebih tepat lagi 'andaian yang diberikan' dalam kewujudan sosial manusia." Oleh itu, Shahabudin (2014) turut menjelaskan bahawa, budaya, tradisi, sejarah dan bahasa menjadi pengikat utama bagi kumpulan etnik ini. Beliau juga menjelaskan bahawa lampiran primordial dalam kehidupan seharian dinyatakan serta dicipta mengikut peringkat sosial. Hal ini berlaku kerana setiap individu di dalam perkumpulan etnik tersebut berkongsi idea dari segi pertalian darah, adat resam, tradisi, agama dan bahasa.

Keterikatan primordial (*primordial attachment*) ini juga boleh dilihat melalui struktur sosiologi di Malaysia. Sejarah struktur sosiologi Malaysia menunjukkan bagaimana elemen ini menyumbang kepada pembentukan unik identiti nasional atau identiti kebangsaan rakyatnya. Hal ini merupakan elemen penting dalam pembentukan negara-bangsa yang berkait rapat dengan amalan budaya dan tradisi. Justeru itu, kepelbagaian budaya pelbagai etnik memerlukan penerimaan dalam kalangan masyarakat bagi membolehkan pemerintahan dapat dilakukan dengan harmoni dan aman walaupun berbeza budaya dan tradisi. Penerimaan inilah yang menjelaskan identiti dan rasa kekitaan rakyat terhadap negara-bangsa berdasarkan tradisi, sejarah dan budaya, cita-cita, nilai moral, kepercayaan dan kedaulatan (Ashmor et al., 2001, Tajfell & Turner, 2004; Liu & Turner, 2018).

Kebanyakan perbincangan dan perbahasan mengenai identiti kebangsaan di Malaysia tertumpu kepada pandangan modernisma yang mengkhususkan kepada perspektif politik dan ekonomi. Maka, sudah tiba masanya untuk perbincangan dari segi primordial ini diperluaskan agar ianya begitu dekat kehidupan setiap etnik di Malaysia. Struktur sosiologi yang pelbagai etnik dalam pemerintahan Malaysia ini menunjukkan bahawa masyarakat berkongsi pemahaman identiti yang difahami dan diamalkan oleh setiap kaum. Kewujudan Negaraku sebagai simbol identiti negara inilah yang mengikat setiap etnik untuk menerima lagu ini sebagai satu bentuk sumpah setia sebagai rakyat Malaysia.

Hal ini bertepatan dengan penjelasan Muir (1916) apabila beliau menyatakan bahawa "memiliki tradisi atau sejarah yang sama, memori penderitaan dan perjuangan bersama, dan kemenangan yang dikecapi bersama yang dinyatakan di dalam cerita-cerita rakyat mahupun sejarah itu merupakan faktor yang paling kuat dan sangat diperlukan dalam proses pembinaan identiti kebangsaan." Dalam erti kata yang lain, walaupun Malaysia mempunyai kepelbagaian

etnik, budaya, tradisi dan agama, mereka disatukan dengan kefahaman sejarah yang satu sewaktu Malaysia berusaha untuk mencapai kemerdekaan. Bahkan, penerimaan Negaraku ini dapat dilihat menerusi kelakuan setiap warganegara yang akan berdiri tegak sewaktu menyanyikan dan mendengar lagu kebangsaan ini walaupun berbeza kaum dan etnik. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan lima elemen keterikatan primordial (*primordial attachment*) iaitu etnik, bahasa, sejarah, budaya dan tradisi dalam menjelaskan pembinaan negara-bangsa dan identiti kebangsaan dalam kepelbagaian kaum di Malaysia.

### LAGU KEBANGSAAN SEBAGAI SIMBOL NEGARA

Kewujudan lagu kebangsaan bagi mewakili sesebuah negara telah dianggap sebagai lagu nasionalis yang memainkan peranan penting dalam memelihara, memulihara, menyatakan, mencipta serta membangkitkan rasa kebangsaan dalam kalangan majoriti mahupun minoriti (Smith, 1994). Bahkan, ianya turut dikenali sebagai satu bentuk gubahan muzik patriotik atau muzikal nasionalisma yang mengingatkan rakyat mengenai sejarah, tradisi dan perjuangan untuk memerdekakan tanah air mereka. Tujuan utama lagu kebangsaan ini dicipta adalah untuk dinyanyikan bagi menyatakan komitmen, semangat patriotisma serta cinta akan negara. Justeru itu, kandungannya sangat bermakna dalam menyampaikan mesej yang penting untuk rakyat. Bukan itu sahaja, lagu kebangsaan juga dianggap sebagai ‘simbol patriotik rasmi’ yang wujud dalam bentuk pendengaran, tetapi, fungsinya sama juga seperti bendera, mata wang atau jata negara (Perry, 2000; Voros dan Fekete, 2012). Kenyataan ini disokong oleh Surjowati (2021) dalam satu kertas kajian beliau, bahawa lagu kebangsaan ini ibarat ‘payung’ yang memayungi sesebuah negara-bangsa tersebut.

Menurut catatan sejarah, lagu kebangsaan ini merangkumi dua fungsi penting yang memberikan kesan kepada semangat patriotisma dan nasionalisma rakyat. Fungsi pertama dikenali sebagai fungsi emosi yang terdiri daripada struktur muzik yang mampu menjentik emosi pendengar. Ianya juga dikenali sebagai struktur semantik oleh kebanyakan ahli-ahli muzik kerana struktur ini berkait rapat dengan melodi dan not yang dibina dalam menghasilkan sesebuah lagu tersebut. Susunan not tersebut menghasilkan muzik yang bertindak sebagai medium antara pendengar dan tindak balas emosi manusia. Struktur ini menjadikan lagu kebangsaan itu unik kerana fenomena ini tidak boleh dibincangkan menerusi perbincangan mahupun diskusi biasa sahaja tetapi, ianya perlu dihayati dan dirasai bagi memahami intipati lagu tersebut (Waterman, 2019; Erikson, 2005). Shazlin (2022) membahaskan bahawa melodi itu sendiri mampu untuk mencerminkan kebudayaan dan tradisi sesebuah bangsa tersebut hasil daripada keterikatan muzik dan emosi manusia yang begitu kuat. Bahkan, ianya dipercayai bahawa keterikatan emosi tersebut terbentuk dan diekspreskan dalam bentuk melodi menerusi pengalaman ataupun sesuatu objek yang diperkukuhkan dengan pengulangan.

Selain itu, fungsi kedua lagu kebangsaan ini dapat dilihat menerusi fungsi simbolik iaitu melalui lirik lagu yang ditulis. Fungsi ini juga boleh dikenali sebagai struktur sintaktik dalam penciptaan sesebuah muzik tersebut. Teks yang ditulis tersebut dipercayai mampu berkomunikasi dan berinteraksi dengan pendengar, maka, ia dapat menghasilkan suatu maklumat yang konkrit untuk difahami oleh pendengarnya. Hal ini boleh berlaku sekiranya pendengar mampu memahami bahasa yang digunakan pada tahap tersirat (Surjowati, 2021; Abril, 2007; Merriam, 1964). Keupayaan lagu kebangsaan ini dapat dilihat melalui perkaitan serta sambutan yang dilakukan oleh rakyat melalui muzik (Allan, 2007). Ianya telah diiktirafkan sebagai satu lambang persembahan yang mampu menyemarakkan semangat nasionalisma dan patriotisma dalam kalangan rakyat. Tambahan pula, ianya sering dan amat sesuai digunakan sebagai medium yang kerap digunakan dalam menggalakkan sosialisasi

politik, pembinaan atau mengekalkan ideologi identiti terutamanya dalam masyarakat berbilang kaum. Hal ini kerana, lagu kebangsaan memegang peranan yang penting dalam pembentukan jati diri negara dan sering digunakan terutamanya sewaktu peperangan. Gabungan lirik serta alunan muzik sewaktu peperangan dapat menyemarakkan semangat mereka untuk memerdekakan tanah air yang tercinta walaupun berbeza warna kulit, agama mahupun budaya (Musvoto, 2009; Shazlin, 2022)

Oleh itu, tidak dinafikan lagi bahawa Negaraku ini berperanan sebagai pengikat kepada kepelbagaian etnik di Malaysia. Hal ini dapat dilihat menerusi penerimaan setiap kaum terhadap lagu Negaraku sebagai lagu kebangsaan serta simbol identiti negara. Sewaktu lagu ini berkumandang atau dinyanyikan, setiap kaum akan berdiri tegak untuk menghormati lagu ini walaupun mereka berbeza etnik, bahasa, budaya, agama mahupun tradisi. Tingkah laku itu sendiri mencerminkan kekuatan identiti nasional sebagai seorang warganegara Malaysia. Petikan dari Straits Time (1956) mencatatkan bahawa penciptaan lagu Negaraku itu sendiri mempunyai kualiti yang menggembirakan, memaparkan kesungguhan tertentu, maruah serta simbolik kelahiran negara baru untuk dihayati oleh semua rakyat. Gabungan struktur muzik dan lirik tersebut menunjukkan keterikatan emosi yang unik dan kukuh yang hanya boleh dihayati sewaktu dinyanyikan (Shazlin, 2018, 2022).

## **METODOLOGI**

### **REKA BENTUK PENYELIDIKAN**

Pendekatan kajian kualitatif akan digunakan secara menyeluruh sebagai prosedur utama penulisan kertas kajian ini. Manakala, reka bentuk penyelidikan pula adalah berdasarkan pendekatan sejarah atau lebih dikenali sebagai kajian sejarah. Bahkan, reka bentuk ini juga boleh dilihat menerusi kajian dari Shazlin Hamzah (2018, 2020, 2021, 2022) dan Saidah Rastam (2015, 2017). Secara amnya, kajian sejarah ini boleh ditakrifkan sebagai metod kajian yang melibatkan pengenalanpastian, lokasi, penilaian dan sintesis data dari masa lalu. Ia bukan sahaja berusaha untuk menggali data dari masa lalu tetapi cuba mengaitkan peristiwa masa lalu tersebut dengan peristiwa masa kini dan akan datang. Di samping itu, reka bentuk ini juga memerlukan penerokaan artifak sejarah, budayam dokumen, audio serta monumen. Dalam erti kata lain, tujuan kajian sejarah ini adalah untuk mengumpul, mengesahkan dan mengintegrasikan data dari masa lalu bagi mendapatkan pemahaman tentang peristiwa masa kini (Hassan, 2022; Creswell, 2007; Barbara 1984). Dengan menggunakan pendekatan sejarah sebagai reka bentuk penyelidikan, kertas kajian ini akan menyediakan penyelidik untuk meneroka dan meluaskan wacana berkaitan Negaraku dalam pembentukan identiti nasional menerusi perspektif primordial. Hal ini kerana penciptaan Negaraku sebagai lagu kebangsaan dan simbol identiti negara adalah berdasarkan latar belakang sejarah Malaysia itu sendiri. Justeru itu, kertas kajian ini akan lebih memfokuskan kepada reka bentuk sejarah yang melibatkan pengenalanpastian, lokasi, penilaian dan sintesis catatan masa lampau. Perkaitan erat Negaraku dan sejarah Malaysia merupakan asas kepada pembentukan identiti nasional yang perlu dicakna dan difahami.

### **PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data bagi kertas kajian ini akan dilakukan secara bacaan fizikal dan carian elektronik terhadap beberapa rujukan berkaitan Negaraku di Malaysia dan kajian berkaitan simbol negara serata dunia. Disebabkan rujukan berkenaan kajian Negaraku ini sangat terhad di Malaysia, maka, rujukan utama kajian ini adalah kajian yang dipelopori oleh Muhammad Hashim, Datin Saidah Rastam dan Dr Shazlin Hamzah. Tokoh-tokoh ini sahaja yang

memfokuskan tentang kajian latar belakang sejarah Negaraku dan impaknya kepada integrasi sosial di Malaysia. Beberapa buku rujukan utama juga telah menjadi sumber primer dalam menganalisis fakta sejarah berkaitan lagu Negaraku. Antaranya ialah, Taman Saujana (Sheppard, 1983); *Rosalie and the other love songs* (Saidah, 2017); Sejarah Perak Semakan 2020 (Buyong Adil, 1981) dan Warna-warna dalam seloka Malaysia (Shazlin, 2023). Buku-buku ini juga adalah rujukan yang sentiasa digunakan oleh para sejarawan apabila menceritakan tentang Negaraku. Selain itu, carian elektronik secara menyeluruh juga telah dilakukan melalui keratan akhbar yang melaporkan mengenai penciptaan lagu Negaraku sepanjang persiapan kemerdekaan pada 1957. Disamping itu, pencarian artikel dan buku rujukan secara elektronik dilakukan melalui Scopus, Jstor dan beberapa lagi jurnal akademik antarabangsa yang merangkumi tema lagu kebangsaan, primordial, identiti, negara-bangsa, simbol negara dan Negaraku. Hasilnya, tujuh rujukan antarabangsa, empat rujukan utama sejarah Negaraku, 35 artikel daripada jurnal antarabangsa dan tempatan dan 10 keratan akhbar telah disemak bagi menyediakan kertas kajian ini. Spektrum sumber literasi yang meluas dan berkaitan dilakukan kerana sumber rujukan yang terhad mengenai topik Negaraku dan perbincangan perspektif primordial dalam aspek pembentukan identiti kebangsaan dan negara-bangsa. Justeru itu, penulis cuba menggunakan data yang didapati dan dirujuki sebaik mungkin dalam menganalisis data.

#### DATA ANALISIS

Kertas kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur intergratif (*intergrative literature review*) bagi membincangkan kepentingan Negaraku dari sudut primordial dalam pembentukan identiti nasional. Pendekatan ini juga ditakrifkan sebagai kaedah tanpa hubungan (*non-contact method*) kerana analisis sintesis data dilakukan sepenuhnya secara pembacaan dan analisis literatur sedia ada mengenai topik atau isu tertentu (Guijian, 2009; Synder, 2019; Mavuso et.al, 2022). Kaedah ini juga tidak melibatkan sebarang objek atau individu tetapi hanya memfokuskan kepada tujuan kajian menerusi sumber sedia ada sahaja. Justeru itu, penyelidik akan mengkategorikan tema berdasarkan carian kandungan secara tersirat (*latent content search*) melalui carian elektronik secara komprehensif dan pembacaan buku yang berkaitan. Semua sumber yang ditemui sewaktu proses pengumpulan data ini telah dianalisis mengikut kaedah yang dinyatakan mengikut tema Negaraku, identiti nasional, primordial dan simbol kebangsaan.

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Bahagian ini akan menjelaskan bagaimana susur-galur dalam sejarah penciptaan Negaraku ini berkait rapat dengan pembentukan identiti kebangsaan dan negara-bangsa Malaysia. Hal ini bertepatan dengan salah satu elemen dalam keterikatan primordial (*primordial attachment*) iaitu sejarah sebagai pengikat kepelbagaian kaum di Malaysia. Kefahaman yang jitu mengenai sejarah lagu ini sangat diperlukan dalam usaha untuk membentuk satu penghayatan terhadap kewujudan Malaysia.

#### SEJARAH PENCIPTAAN LAGU NEGARAKU

Negaraku merupakan satu kebanggaan serta identiti Malaysia. Lagu ini adalah satu-satunya lagu kebangsaan Malaysia yang dipegang oleh rakyat Malaysia selama 60 tahun lamanya. Fungsi utamanya sebagai simbol yang paling sonik dicipta untuk mencerminkan usaha yang berterusan dalam pembinaan negara-bangsa. Bahkan, ianya bertindak sebagai pengikat bahawa setiap kaum di Malaysia perlulah bersatu padu dalam menerima kepelbagaian sebagai sebahagian daripada identiti negara. Hal ini dapat dilihat menerusi kelakuan semula

jadi setiap kaum ketika mendengar dan menyanyikan lagu ini. Secara automatik, setiap dari kita akan berdiri tegak untuk menghormati lagu kebangsaan ini (Ahmad Murad 2019; Shazlin 2018).

Namun begitu, sejarah dibalik Negaraku merupakan satu kisah yang panjang yang perlu diselusuri seawal 1874. Proses penciptaan lagu Negaraku ini telah melalui empat fasa dalam penceritaan sejarah. Jadual menunjukkan secara ringkas evolusi serta pertukaran lirik yang berlaku bermula dari 1800 sehingga 1957.



Rajah 1: Perkembangan fasa kepada penciptaan lagu Negaraku (Saidah 2017; Act 808, 2018)  
Penerangan kepada Rajah 1 di atas akan dijelaskan dalam sub topik seterusnya.

### ***Fasa Pertama: La Rosalie (1780)***

Penceritaan kepada wujudnya La Rosalie ini perlu dilihat menerusi peristiwa Perjanjian Pangkor yang dimeterai pada 1874. Menurut catatan dari Wajah Malaysia dalam Gurindam Lagu tulisan Shazlin Hamzah (2022) menyatakan bahawa peristiwa ini memainkan peranan yang sangat penting dalam sejarah penciptaan lagu Negaraku. Sewaktu perjanjian ini dimeterai, ianya merupakan satu waktu yang signifikan dalam menjelaskan hubungan antara British dan Melayu. Hal ini disebabkan oleh kemasukan residen British dalam tampuk pemerintahan Melayu, sekaligus mencabar kedaulatan raja dan adat istiadat Melayu. Perjanjian ini jugalah permulaan kepada siri penentangan terhadap konsep modernisma yang ingin diperkenalkan oleh British dengan cara melupuskan sistem hamba abdi dan gundik dalam pentadbiran Perak. Rentetan dari itu, J.W.W Birch yang merupakan Residen British pertama Perak setelah perjanjian ini dimeterai telah dibunuh dalam satu konspirasi penentangan yang dijalankan oleh Raja Abdullah sendiri.

Pada tahun 1877, Raja Abdullah, Muhammad Amir, Syahbandar, Che Ngah Ibrahim dan beberapa lagi sekutu telah dihantar ke pulau Seychelles. Walaupun pulau ini sinonim dengan hukuman buang negeri ketika itu, pulau yang dikenali sebagai Mahe ini juga merupakan tempat persinggahan yang terkenal kepada pedagang luar yang hendak berdagang



di sekitar Asia Tenggara. Pulau inilah tempat mereka berehat sebentar, mengisi minyak kapal dan berhibur sebelum meneruskan perjalanan mereka. Kepulauan ini banyak dikunjungi oleh pedagang-pedagang Eropah terutamanya dari Perancis. Sekaligus, menjadikan kepulauan ini sebagai hub pengumpulan pelbagai budaya seantero dunia.

Di sinilah permulaan kepada kemunculan La Rosalie dalam sejarah penciptaan lagu Negaraku. Sejarah menyebut, ada seorang pemuisi Perancis yang bernama Pierre Jean De Beranger yang menulis sebuah puisi bertajuk La Rosalie (Zara 2021; Shazlin 2022; Saidah 2017). Rajah di bawah adalah puisi asal La Rosalie yang ditulis oleh Pierre Jean Beranger berserta terjemahannya dalam Bahasa Inggeris yang banyak direkodkan di dalam penulisan sumber-sumber ini.

Versi Perancis:  
*La Rosalie asise par sa fenetre,  
J'ebtend la pluie qui verse sur son dos,  
Son petit couer qui repose a son aise ,  
Et le mien qui na point de repos.*

Terjemahan Inggeris:  
*La Rosalie seated by her window,  
I hear the rain pouring down her back,  
Her little heart rests at ease,  
And mine which has no rest.*

Rajah 2: Lirik lagu La Rosalie beserta dengan terjemahan Bahasa Inggeris

Sheppard (1997) menakrifkan bahawa alunan melodi dan lirik La Rosalie ini mengisahkan tentang kekecewaan dan penghinaan seorang wanita yang telah ditinggalkan oleh kekasihnya. Kenyataan ini juga disokong oleh beberapa sejarawan lain seperti Gullick dan Harding (1997, 68-74) dalam tulisan mereka yang menyatakan bahawa melodi yang dipersembahkan adalah sangat melankolik kerana ianya memaparkan seorang wanita yang bersedih mendendangkan lagu ini di tepi tingkap sewaktu hujan turun. Ianya menjadi sangat popular di sekitar kepulauan Seychelles sehinggakan pada setiap petang ianya dimainkan. Lagu ini sering dimainkan di belakang rumah agam milik Raja Abdullah dan menjadi lagu kegemaran beliau sepanjang tinggal di kepulauan tersebut. Bahkan, lagu ini menjadi alunan popular yang meniti di setiap bibir penduduk dan pedagang di sekitar kepulauan ini (Shazlin, 2023; Sheppard, 1885).

Ianya sering dimainkan di serata Seychelles menjadikan ianya puisi yang sangat popular pada ketika itu. Namun begitu, beberapa sejarawan berpendapat bahawa Pierre Jean Beranger hanya menulis puisi tersebut tetapi alunan muzik yang mengiringinya dicipta mengikut citarasa tempatan ketika itu. Pendapat dari James Harding dan John Gullick (1997) juga menyatakan perkara yang sama menerusi penulisan beliau bahawa Beranger sebenarnya tidak mengetahui sebarang notasi muzik. Selalunya, beliau akan menyanyikan melodi yang terlintas di kepalanya sahaja kemudian melupakannya sejurus selepas itu. Beberapa kali juga, rakan beliau mencatatkan melodi tersebut dan memainkan semula atas kebenaran Beranger.

Dalam ruangan editorial nota kaki tulisan Mubin Sheppard menyatakan bahawa ianya 'dipercayai' merupakan muzik Beranger berdasarkan kenyataan dari Raja Aminah yang merupakan anak kepada Sultan Abdullah. Bahkan, dalam biografi yang ditulis Sheppard pada tahun 1979 merekodkan bahawa sebuah pancaragam memainkan lagu ciptaan Beranger yang

dipanggil Rosalie. Menerusi Taman Saujana (1983) juga, beliau menyatakan bahawa Ketua Pancaragam Perancis yang memberitahu Raja Mansur bahawa komposer lagu ini adalah Beranger. Informasi ini disampaikan oleh Mubin Shepard pada 1993 kepada Gullick adalah menerusi kenyataan terperinci dari Raja Halijah yang merupakan kakak kepada Raja Aminah (Saidah, 2017; Shazlin, 2022).

Sehingga sekarang, sejarah masih lagi tidak dapat membuktikan tentang kesahihan melodi La Rosalie ini adalah ciptaan Beranger. Hal ini kerana, menurut Harding dan Gullick (1997), sebanyak 650 buah lagu telah diterbitkan oleh Beranger, namun, tiada satu pun yang mempunyai tajuk atau perkataan Rosalie. Bahkan, tiada kesan melodi La Rosalie ini ditemui dalam mana-mana karya beliau (Saidah, 2017). Namun begitu, kepelbagaian penceritaan sejarah La Rosalie ini masih lagi kekal dan dicatatkan sebagai permulaan kepada penciptaan lagu Negaraku.

### ***Fasa kedua: Allah Lanjutkan Usia Sultan (1888)***

Pada tahun 1888, Sultan Idris yang merupakan Sultan Perak ketika itu telah menerima undangan daripada Ratu Victoria. Hal ini disebabkan, hubungan rapat antara Sultan Idris dan Ratu Victoria menyebabkan baginda menerima tiga kali undangan dari Ratu. Di sinilah, pertama kalinya melodi La Rosalie berkumandang di langit Eropah. Mengikut sejarah yang direkodkan, terdapat dua versi penceritaan mengenai lagu ini diangkat menjadi lagu negeri Perak. Tidak dinafikan bahawa dua versi ini menimbulkan kekeliruan ramai kerana terdapat pelbagai pendapat samada Raja Chulan atau Raja Mansor yang pergi menemani Sultan Idris pada setiap undangan tersebut. Pencanggahan pendapat dan pandangan tersebut disokong menerusi buku tulisan Mubin Sheppard (1983) dan Buyong Adil (1972) yang menjadi sumber rujukan utama. Namun begitu, kedua-dua versi tersebut disahkan kesahihannya berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mubin Sheppard menerusi Taman Saujana (1983) berhubung asal-usul dan sejarah lagu Negaraku. Cuma, setiap undangan yang baginda hadiri itu melibatkan salah seorang sosok terpenting ini, sama ada Raja Chulan atau Raja Mansor.

Versi pertama diceritakan oleh Bekas Pengarah Arkib Negara, Mubin Sheppard menerusi penulisan beliau dalam Taman Sarjana (1983) adalah berdasarkan penceritaan semula kisah Tuan Haji Mustafa Al Bakri, selaku Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu. Lagu ini pertama kali berkumandang pada tahun 1901 pada acara pertabalan Raja Edward VII di England. Ketika itu, Sultan Idris Murshiduladzam Shah menghadiri undangan tersebut dengan ditemani bersama-sama Raja Chulan, Raja Harun dan Hurlow (residen British). Setibanya mereka di Southampton, biro protokol England meminta Sultan Idris menyerahkan skor lagu bagi lagu kebesaran negeri mereka kerana ianya telah menjadi amalan rasmi untuk kerajaan England memainkan lagu tersebut di acara yang terpenting. Malangnya, Perak tidak mempunyai sebarang lagu kebesaran yang menjadi identiti utama Perak. Maka, bagi menjaga maruah negeri dan air muka sultan, setiausaha Sultan, Raja Harun memberitahu kepada biro tersebut yang skor muzik tersebut tertinggal di istana. Pengalaman beliau sebagai pemuzik membolehkan beliau mengarang sendiri lagu tersebut dengan bantuan Raja Chulan mengikut melodi La Rosalie sebagai lagu kebesaran negeri Perak.

Versi kedua pula, menerusi tulisan Mohamad Hashim (2014) ini diceritakan semula oleh Raja Kamarulzaman yang merupakan anak kepada Raja Mansor. Ketika itu, Raja Mansor menemani Sultan Idris dalam salah satu undangan ke England. Beliau bertanggungjawab sebagai jurubahasa bagi Sultan Idris. Menurut sejarah, melodi La Rosalie atau Terang Boelan ini telah diuar-uarkan di istana sebagai lagu kebesaran negeri Perak selepas pertabalan Sultan

Idris pada 1888. Namun begitu, Baginda tidaklah menjadikan lagu ini rasmi dan umum di negeri itu. Apabila mereka tiba di sana, wakil Ratu Victoria bertanya kepada rombongan tersebut tentang lagu memo untuk upacara perarakan Ratu. Hal ini kerana, ianya telah menjadi adat istiadat buat *House of England* memainkan lagu kebesaran setiap wakil yang hadir ke acara tersebut. Malangnya, Perak masih belum lagi mempunyai lagu rasmi yang menjadi identiti utama negeri Perak. Bagi menjaga maruah dan air muka negara dan negeri tercinta, Raja Mansor berbohong kepada wakil tersebut bahawa beliau terlupa untuk membawa lembaran muzik tersebut. Walaubagaimanapun, beliau boleh mengalunkan melodi lagu tersebut dan wakil boleh menulisnya<sup>2</sup>. Kenyataan dari Raja Halijah dan Raja Aminah (1960, 1961) juga menceritakan yang Raja Mansor bersiul alunan lagu Terang Boelan yang begitu popular dimainkan di Nusantara sebagai lagu rasmi negeri Perak (Suzan 2008; Saidah 2017; Shazlin 2018, 2020, 2022)

Kedua-dua versi menjadi penceritaan utama dalam asal-usul penciptaan lagu kebesaran negeri Perak, Allah Lanjutkan Usia Sultan telah direkodkan oleh Buyong Adil dalam buku beliau Sejarah Perak (1972). Kedua-dua versi ini juga telah menjadi peristiwa penting yang dicatatkan dalam Sejarah Perak. Rajah 2 adalah lirik lagu Perak yang secara rasminya dimainkan pada 1888.

|   |
|---|
| Dilanjutkan Allah usia Sultan,<br>Adil dan murah memerintah watan,<br>Diataati rakyat kiri dan kanan,<br>Iman yang soleh Allah kurniakan,<br>Allah berkati Perak Ridzuan,<br>Allah selamatkan Negeri dan Sultan |
|---|

Rajah 3: Lirik lagu Allah Lanjutkan Usia Sultan

Bahkan, sejarah juga mengiktirafkan bahawa lagu tersebut merupakan lagu pertama di Tanah Melayu yang dijadikan lagu rasmi negeri dan mempunyai kedudukan istimewa terhadap rakyatnya (Raja Kamarulzaman, Raja Halijah & Raja Aminah 1960, 1961; Shazlin 2022).

### ***Fasa ketiga: Terang Boelan (1901)***

Terang Boelan adalah gubahan daripada melodi La Rosalie yang popular didendangkan sekitar kurun ke-18. Lagu ini tersebar menerusi aktiviti perdagangan yang berlaku di sekitar Nusantara menjadikan populariti La Rosalie memuncak dan diadaptasikan mengikut cita rasa tempatan. Melodi La Rosalie sering diadaptasikan kepada beberapa versi dalam pelbagai bahasa di seluruh negara. Ianya pertama kali diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda, kemudian ke dalam bahasa Indonesia, Jepun, Inggeris, Kantonis dan Mandarin (Kay Kim 2016). Menurut blog ulasan yang ditulis oleh Shazlin (2021), *Negaraku: A Celebrated Tune in the Archipelago, Unifying Force for Malaysia* menyatakan bahawa La Rosalie sendiri dikenali sebagai Terang Boelan dengan lirik berbeza-beza di rantau negeri.

Menerusi catatan Saidah Rastam (2017) dan Shazlin Hamzah (2023), La Rosalie ini popular di seluruh Tanah Melayu dan Nusantara, maka, terciptalah Terang Boelan yang merupakan adaptasi dari La Rosalie ini sekitar tahun 1900. Ianya seringkali dipersembahkan oleh kumpulan Bangsawan<sup>3</sup> yang begitu popular sebagai kumpulan penghibur. Mereka akan menjelajah sekitar Indonesia, Tanah Melayu dan Singapura dan mula membuat persembahan di setiap destinasi perhentian mereka. Salah satu persembahan terkenal ialah Stamboel<sup>4</sup> 1 yang merupakan lagu pengantara sewaktu tempoh rehat ketika pementasan dijalankan. Antaranya

adalah persembahan di Pulau Pinang pada 1900 dinyanyikan oleh Wayang Kassim dan Indra Zanzibar semasa persembahan opera Nyai Dasimah.

Menerusi buku *La Rosalie and the other love songs* (2017) populariti Terang Boelan yang semakin memuncak menjadikan lagu ini banyak dinyanyikan semula dan digubah liriknya mengikut tren semasa. Bahkan, ianya diterbitkan di dalam buku, majalah, surat khabar dan filem. Lagu ini dinyanyikan oleh penyanyi dan pelakon Indonesia lagenda, Miss Roekiah dalam filem Terang Boelan (Saidah 2017; Shazlin 2022). Lirik lagu Terang Boelan ini asalnya ditulis oleh Herman Tip pada tahun 1940 dan ianya juga disiarkan di dalam buku yang oleh Armjin Pane pada tahun 1938. Menariknya, buku beliau telah diterjemahkan hampir ke tujuh bahasa dan ianya menjadi sumber rujukan sastera di Amerika sehingga ke hari ini. Berikut adalah lirik lagu Terang Boelan yang popular dimainkan.

Terang bulan, terang dipinggir kali,  
Buaya timbul disangkalah mati,  
Jangan percaya mulutnyaa lelaki,  
Berani sumpah, tapi takut mati.  
Waktu potong padi di tengah sawah,  
Sambal bernyanyi riuh rendah  
Memotong padi semya orang,  
Sedari pagi sampai petang.  
Waktu potong padi di tengah sawah,  
Sambil bernyanyi riuh rendah,  
Bersenang hati sambal bersuka,  
Tolonglah kami bersama-sama.

Rajah 4 : Lirik lagu Terang Boelan

Ada beberapa versi Terang Boelan yang digubahkan dan dimainkan. Versi pertama dimainkan oleh Orkestra Jerman yang dikenali sebagai Philip Anderson and Hawaian. Versi ini digubah dan dikenali sebagai Mamula Moon dan mempunyai sedikit lenggok Hawaii. Versi kedua pula adalah Terang Boelan yang dinyanyikan oleh seorang Indonesia-Belanda yang bernama Anarchy Dromo. Akhir sekali, adalah versi yang dimainkan oleh Keroncong Orkes Malaysia iaitu kumpulan Bangsawan tadi (Saidah 2017; Shazlin 2022) .

#### ***Fasa Keempat: Negaraku***

Bagi pemilihan lagu kebangsaan Malaysia telah diadakan pada tahun 1957 dengan kerjasama antara Radio Malaya dan Kerajaan Persekutuan. Kerjasama dua agensi ini sebulat suara bersetuju untuk mengadakan satu pertandingan bagi memilih lagu kebangsaan. Penyertaan tersebut terbuka bukan sahaja kepada rakyat Malaysia tetapi seluruh dunia. Satu jawatankuasa juga telah ditubuhkan diketuai Tunku Abdul Rahman selaku juri pemilihan lagu ini. Mengikut keratan akhbar *Straits Time* bertarikh 15 Mei 1957, direkodkan sebanyak 514 penyertaan telah diterima merangkumi penyertaan dari seluruh pelosok dunia, merangkumi pemuzik dari Malaya, Indonesia, Britain, United States, Perancis, Denmark, Sweden, Hungary, Turki, Mesir dan India (Saidah 2017). Namun begitu, rekod rasmi lainnya mencatatkan sebanyak 419 penyertaan yang diterima. Satu-satunya rekod rasmi adalah menerusi keratan akhbar *The Malay Mail* pada Januari 1957 berkenaan pertandingan penciptaan lagu kebangsaan (Shazlin 2022). Walaupun terdapat percanggahan maklumat antara

dua akhbar ini, ianya sudah cukup membuktikan bahawa pertandingan ini berlaku sewaktu pasca-kemerdekaan Malaysia.

Dalam proses pemilihan lagu tersebut, jawatankuasa mempunyai beberapa syarat tertentu dalam sistem penilaian. Antaranya, lagu tersebut mestilah mempunyai nilai patriotisma yang tinggi tetapi dalam masa yang sama perlu ada elemen-elemen Malaya. Ianya merupakan satu cabaran yang besar kerana untuk menilai sebanyak 514 lagu yang dihantar bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, ada juga lagu-lagu yang telah disenarai pendek untuk dimainkan oleh Pancaragam Polis Diraja Malaysia bagi penilaian seterusnya (Perputakaan Negara 2003; Saidah 2017; Shazlin 2022) . Malangnya, tiada satu pun lagu tersebut menambat hati Tunku untuk dijadikan lagu kebangsaan. Pada Jun 1957, Tunku juga ada menjemput Zubir Said, seorang komposer terkenal di Nusantara pada ketika itu untuk membantu mencipta lagu kebangsaan buat Malaysia. Beliau cuba untuk mengubah dan menyusun beberapa lagu Melayu Klasik yang ada, tetapi, kebanyakan lagu tersebut mendayu-dayu. Bahkan, Tunku tidak gembira dengan gubahan yang dilakukan oleh beliau. Cubaan kedua dilakukan tetapi Tunku tetap tidak berpuas hati dan menyatakan bahawa ianya tidak sesuai untuk dijadikan lagu kebangsaan. Akhirnya, Tunku menolak ketiga-tiga buah lagu yang telah diusulkan oleh Zubir Said (Mohamad Hashim 2014; Shazlin 2022).

Catatan dari Perpustakaan Negara (2003) juga menceritakan situasi pada ketika itu semakin genting kerana hari kemerdekaan sudah semakin dekat tetapi Malaysia masih tidak mempunyai lagu kebangsaan untuk dimainkan di hari kemerdekaan. Tunku mengambil keputusan untuk mengambil lagu kebesaran Negeri Perak untuk dijadikan lagu kebangsaan. Melihatkan kepada sejarah dan nilai sentimental di sebalik melodi lagu sebagai lagu rasmi negeri yang pertama di Tanah Melayu menjadikan ianya sebab utama dipilih sebagai lagu kebangsaan.

Rakaman rasmi bagi lagu Negaraku ini dilakukan oleh kumpulan Koir Merdeka dan ianya diselikan oleh Ahmad Merican yang bertugas di Radio Malaya pada ketika itu. Kumpulan koir yang membawakan lagu Negaraku ini membawa simbolisma kepelbagaian budaya yang sangat kuat kerana kumpulan ini terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Kumpulan ini menjadi lambang perpaduan negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Tony Fonseka merupakan orang yang bertanggungjawab dalam pemilihan penyanyi dan latihan bagi sesi rakaman tersebut. Saidah Rastam turut menyatakan kekaguman beliau atas usaha tersebut dalam temu bual podkas bersama stesen radio BFM pada 18 November 2015<sup>5</sup>,

“Apabila Tuanku memutuskan untuk mencipta himpunan lagu baharu untuk Malaysia, kumpulan koir yang dibentuk untuk menyanyikan lagu Negaraku ini datang dari pelbagai agama, kepercayaan dan warna.”

(Saidah, Podcast: History, Stories and Anecdotes of Negaraku in Song, 2015)

Transkripsi berikut merupakan bukti bagaimana dari awal pensejarahan Negaraku ini, ianya sudah diterima dan disukai ramai. Hal ini menjelaskan bahawa sejarah penciptaan Negaraku menerusi elemen sejarah ini mampu menjadi pengikat kepada setiap kaum di Malaysia sekiranya ia dihayati dan difahami.

## REPRESENTASI IDENTITI DALAM NEGARAKU MENERUSI ELEMEN PRIMORDIAL

Seterusnya, elemen bahasa dapat dilihat menerusi penggunaan Bahasa Malaysia pada lirik lagu Negaraku yang wajib dinyanyikan dan dihafal oleh setiap kaum walaupun berbeza etnik dan bahasa. Malaysia tidak menyekat penggunaan bahasa-bahasa lain dari setiap etnik, tetapi, Bahasa Malaysia menjadi bahasa kebangsaan dalam sistem komunikasi formal di Malaysia. Setiap lapisan generasi dalam setiap kaum perlu fasih dan faham akan Bahasa Malaysia. Bahkan, ianya telah dicatatkan di dalam Perkara 12, Artikel 152 bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu. Manakala, sub-seksyen (a) dalam artikel yang sama menetapkan syarat supaya tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan, mengajar atau belajar bahasa-bahasa lain. Namun begitu, ianya menjadi satu kesalahan sekiranya Negaraku ini dinyanyikan selain daripada Bahasa Melayu. Hal ini boleh dilihat menerusi kontroversi yang berlaku pada 2019 apabila seorang guru di sebuah sekolah jenis kebangsaan dikenakan tindakan apabila mengajar pelajar-pelajar bukan Melayu menyanyikan lagu Negaraku dalam Bahasa Mandarin. Guru tersebut dikenakan tindakan di bawah seksyen 8 Akta Lagu Kebangsaan di bawah kesalahan tidak menghormati lagu kebangsaan dengan cara menukar lirik lagu Negaraku kepada bahasa lain. Perkara ini menjelaskan bagaimana pentingnya Bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan yang perlu untuk dihormati oleh setiap kaum di Malaysia.

Elemen etnik, kebudayaan dan tradisi dapat dilihat menerusi maksud tersirat di setiap baris lirik lagu Negaraku. Jikalau diteliti menerusi baris pertama dan kedua dalam perenggan pertama lagu Negaraku:

|                                     |
|-------------------------------------|
| Negaraku<br>Tanah tumpahnya darahku |
|-------------------------------------|

Rajah 2: Baris pertama dan kedua dalam perenggan pertama lagu Negaraku

Struktur baris lirik di atas secara jelas diibaratkan sebagai sumpah setia oleh setiap warganegara Malaysia. Menerusi catatan sejarah yang direkodkan oleh beberapa sejarawan, semasa proses penciptaan lagu ini, Tunku sentiasa menyatakan hasratnya untuk memasukkan perkataan 'Negaraku' sebagai ayat simbolik pertama dalam lagu kebangsaan Malaysia. Beliau menyatakan bahawa perkataan 'Negaraku' itu membawa makna simbolik kepada setiap orang yang menyanyikan lagu kebangsaan ini. Tunku juga membayangkan apabila lagu ini dinyanyikan semasa sambutan Hari Kemerdekaan, masyarakat akan menyedari bahawa Malaysia kini telah menjadi sebuah tanah yang merdeka serta berdaulat di mata dunia. Baris seterusnya 'Tanah tumpahnya darahku' pula merupakan kesinambungan kepada baris sebelumnya. Baris ini secara jelas menggambarkan Malaysia sebagai negara kelahiran semua bangsa yang bergelar warganegara walaupun berbeza etnik dan budaya. Walaupun struktur sosiologi Malaysia penuh dengan kepelbagaian etnik, bahasa, budaya, tradisi mahupun agama, mereka yang mengaku sebagai rakyat Malaysia akan sanggup untuk bergadai nyawa bagi mengekalkan keamanan dan kebanggaan negara. Bahkan, ianya memancarkan rasa kasih serta kesedaran bahawa Malaysia ini sekarang telah menjadi tanah ibunda kepada etnik lain selain Melayu (Mohamad Hashim, 2014; Shazlin, 2022).

Rakyat hidup  
Bersatu dan maju

Rajah 3: Baris ketiga dan keempat dalam perenggan pertama Negaraku

Jikalau diteliti baris lirik di atas, secara harafiahnya kita memahami bahawa ianya menjadi pengikat kepada setiap kaum untuk bekerjasama dalam membina negara-bangsa. Perbezaan kaum, agama, budaya dan tradisi bukanlah penghalang untuk mereka yang bergelar sebagai warganegara untuk berganding bahu antara satu sama lain dalam membangunkan negara. Dalam proses untuk mencapai ketamadunan dan pembinaan negara-bangsa yang sejajar dengan perkembangan globalisasi dan modernisasi dunia, penyatuan serta perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum merupakan aspek yang sangat penting untuk dikecapi. Sekiranya baris lirik ini dihayati dan difahami oleh setiap rakyat Malaysia, setiap cabaran dan halangan dalam usaha untuk mencapai ketamadunan ini akan dapat dicapai (Mohamad Hashim, 2014; Khalilah, 2020; Shazlin, 2022).

Bergerak kepada baris lirik seterusnya memaparkan bagaimana fungsi Negaraku sebagai penyatuan budaya dan identiti nasional. Pengulangan kepada perenggan kedua dan ketiga Negaraku ini secara jelas memaparkan penerimaan dan kesepaduan setiap kaum dalam kepentingan beragama. Hal ini dapat dilihat dengan jelas menerusi baris lirik di bawah:

Rakyat bahagia  
Tuhan kurniakan

Rajah 4: Baris pertama dan kedua dalam perenggan ketiga dan keempat Negaraku

Merujuk kepada baris di atas, ianya dengan jelas menggambarkan kepentingan keagamaan dan ketuhanan dalam masyarakat. Tambahan pula, baris ini meraikan semua agama yang dianuti oleh setiap kaum di Malaysia dan tidak menspesifikasikan kepada satu-satu agama sahaja walaupun Islam adalah agama rasmi. Tunku sedar bahawa Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum serta mengamalkan spektrum kepercayaan dan keagamaan tersendiri. Walau bagaimanapun, setiap agama dan kepercayaan itu mengiktirafkan kewujudan Tuhan dan Tuhan sahaja yang dapat melimpahkan rahmat kepada manusia (Khalilah, 2020; Mohamad Hisham, 2014).

Manakala, baris seterusnya pula merujuk kepada penerimaan setiap kaum terhadap raja berperlembagaan yang menjadi identiti utama Malaysia.

Raja kita  
Selamat bertakhta

Rajah 5: Baris ketiga dan keempat dalam perenggan ketiga dan keempat Negaraku

Baris di atas merupakan kesinambungan kepada lirik sebelumnya seperti yang tertera di Rajah 4. Baris lirik ini jelas menunjukkan kepentingan raja berperlembagaan sebagai identiti, budaya dan tradisi yang diterima oleh setiap kaum di Malaysia. Menurut catatan

sejarah, sewaktu penciptaan lirik lagu ini, jawatankuasa yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dengan kerjasama Saiful Bahri memberikan perhatian kepada kesesuaian bait-bait lirik yang berkait dengan unsur raja berperlembagaan. Hal ini kerana, Sultan merupakan satu sosok yang penting dalam susur galur sejarah pemerintahan Tanah Melayu. Setiap negeri mempunyai Sultan yang memerintah dan YDPA menjadi ketua bagi ke semua sultan ini. Jikalau kita teliti lagi gabungan baris lirik di Rajah 4 dan 5, ianya adalah suatu bentuk titipan doa oleh setiap rakyat Malaysia atas kesejahteraan pemerintahan beraja kita. Kedudukan sultan itu sendiri menunjukkan kedudukan yang kukuh dan penting dalam menentukan kekuatan bangsa dan negara Malaysia di mata duni (Khalilah, 2020; Mohamad Hashim, 2014; Shazlin 2022).

### **IMPLIKASI TERHADAP KAJIAN ETNIK**

Kertas kajian mampu untuk memberi impak dalam memperluaskan wacana berkaitan pembentukan negara-bangsa dan identiti kebangsaan dalam perspektif primordial. Hal ini kerana, kebanyakan wacana berkaitan identiti kebangsaan, negara dan bangsa di Malaysia hanya terhad dibincangkan di dalam perspektif politik dan ekonomi. Walhal, elemen primordial merupakan satu aspek yang sangat dekat dengan jiwa setiap rakyat kerana struktur sosiologi Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, perspektif primordial ini mampu meluaskan lagi kefahaman dari segi kajian etnik supaya setiap etnik lebih memahami perihal negara, bangsa dan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia. Selain itu, ianya mampu menjadi nilai tambah dalam kajian etnik dan sains sosial kerana buat masa kini kajian berkaitan perspektif primordial masih lagi terhad di Malaysia.

Di samping itu, kertas kajian ini juga akan mengembangkan bidang antemologi (lagu kebangsaan) dalam kajian sains sosial di Malaysia. Hal ini akan memberikan pendedahan kepada pengkaji di luar sana untuk meneroka lagi fungsi simbol-simbol negara dalam pembentukan negara-bangsa dan identiti nasional. Negaraku merupakan satu alat yang kukuh dalam menggariskan konsep primordial dalam wacana kebangsaan. Sehingga kini, kajian berkenaan Negaraku masih lagi terhad dan hanya dipelopori oleh tiga orang tokoh sahaja iaitu Saidah Rastam, Dr Shazlin Hamzah dan Mohamad Hashim. Tambahan pula, penulis mencadangkan supaya kepentingan simbol negara ini akan dijadikan medium yang digunakan dalam setiap inisiatif kerajaan.

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, ianya dapat disimpulkan bahawa peranan Negaraku penting sebagai salah satu medium dalam wacana pembentukan identiti kebangsaan di Malaysia. Lagu ini bukan hanya untuk dijadikan ritual dalam majlis-majlis rasmi sahaja, tetapi, makna disebalik lirik lagu ini memaparkan bagaimana elemen primordial dari aspek sejarah, etnik, budaya, tradisi dan bahasa memainkan peranan dalam memperkukuhkan kefahaman rakyat tentang konsep identiti kebangsaan dan negara-bangsa. Hasil daripada analisis yang dilakukan kepada 4 buah rujukan utama tempatan, 7 rujukan utama antarabangsa, 35 jurnal dan artikel dan 10 keratan akhbar mengenai Negaraku ini sudah cukup membuktikan bahawa kelima-lima elemen keterikatan primordial tersebut wujud di dalam lagu ini. Hasilnya, dapatan kajian dari analisis sumber yang dinyatakan dibincangkan menerusi dua sub-topik utama. Pertama, analisis menjurus kepada sejarah perkembangan dan penciptaan lagu Negaraku melalui empat fasa sejarah. Manakala, sub-topik kedua pula adalah analisis yang mendalam sebagai salah satu unsur representasi identiti dalam Negaraku menerusi elemen primordial.



Melihatkan kepada kepentingan Negaraku dalam pembinaan identiti kebangsaan, hal ini boleh diperkukuhkan lagi melalui aspek pendidikan dengan cara memasukkan perkaitan Negaraku dan elemen primordial di dalam silibus pembelajaran. Hal ini merupakan langkah pertama dalam membina pemahaman serta penghayatan akan makna di sebalik lagu Negaraku ini. Pembentukan mentaliti setiap kaum ini perlu dibentuk dari pendidikan awal menerusi orientasi pembelajaran dan pengajaran di setiap jenis sekolah. Kementerian Pendidikan perlu untuk memantau dan meneliti bahawa aspek primordial ini tidak hanya dijadikan sebagai perihal yang membincangkan perbezaan antara etnik tetapi menjadi pengikat kepada kesepaduan setiap kaum di Malaysia. Selain itu, silibus yang memperkenalkan elemen ini bukan hanya tertumpu kepada subjek Sejarah sahaja tetapi boleh divariasikan menerusi subjek-subjek lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil dan lain-lain.

### NOTA

<sup>1</sup> Tidak ketara ini menjurus kepada aspek yang boleh dilihat menerusi mata kasar.

<sup>2</sup> Lembaran muzik yang ditulis ini merupakan lembaran rasmi pertama kepada Allah Lanjutkan Usia Sultan.

<sup>3</sup> Bangsawan merupakan Kumpulan penghibur yang sangat terkenal pada era 1900 di sekitar Nusantara. Perkumpulan ini menjelajah ke seluruh Nusantara dengan melakukan persembahan berbentuk teater mengenai cerita-cerita rakyat.

<sup>4</sup> Stamboel adalah perkataan yang diambil dari perkataan Turki dari Istanbul. Namun, ejaan tersebut diubah mengikut bahasa Belanda ketika itu.

<sup>5</sup> Saidah Rastam dalam sebuah temubual di stesen Radio BFM 2015, transkripsi perenggan 17.

### RUJUKAN

- Ahmad Murad, M. January 30<sup>th</sup>, 2019. The anthem *Negaraku*: national symbol and icon. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/education/2019/01/455783/anthem-negaraku-national-symbol-and-icon>
- Abril, C.R. 2007. Functions of a national anthem in society and education: A sociocultural perspective. *Bulletin of the Council for Research in Music Education*, 172(73).
- Allan, M. 2007. *The Anthropology of Music*. North-western University Press.
- Barbara, S., L. (1984). Historical perspective: Using the past to study the present. *The Academy of Management Review*, 9(2), 307-312
- Benjamin, K. 2019. *Importance of national symbols*. World Trends Home. Available at <https://scalar.usc.edu/works/world-trends-home/importance-of-national-symbols>
- Buyong Adil. 2020. Sejarah Perak. In *Siri Sejarah Nusantara*, by Buyong Adil. Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Cerulo, K. A. 1993. Symbols and the world system: national anthems and flags. *Sociological Forum*, 8(2): 243–271. Available at <https://doi.org/10.1007/BF01115492>
- Chiara, B. 2022. *Nationalism, populism and the past*. Heritage of Nationalism: UCL Press.

- Coakley, J. 2017. Primordialism in nationalism studies: theory or ideology. *Nation and Nationalism*. Available at <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/nana.12349>
- Connor, W. 1993. Beyond Reason: The Nature of the Ethnonational Bond. *Ethnic and Racial Studies*, 16 (3): 373-389.
- Connor, W. 1994. *Ethnonationalism: The Quest for Understanding*. New York: Princeton University Press.
- Crampton, W. 1992. *The world of flag: A pictorial history* (2<sup>nd</sup> eds.). London: Studio Editions Ltd.
- Creswell, J.H. (2007). *Research Design: Qualitative, quantitative and mixed method Approaches* (3<sup>rd</sup> Eds). California: Sage Publications.
- Elgenius, G. 2005. *Expression of nationhood: National symbols and ceremonies in contemporary Europe*. PhD Thesis. London School Economic and Political Science. University of London.
- Elgenius, G. 2011. *Symbols of nations and nationalism: Celebrating nationhood*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Guijuan, L. 2009. Higher Education research methodology-literature method, *International Education Studies*, 2(4):179-181.
- Geertz, C. 1983. *Local knowledge: Further essays in interpretive anthropology*. Basic Book: New York.
- Harding, J., & Gulllick, J. 1997. The music of Negaraku. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Society*, 70(2).
- Mohammad Hashim. 2014, 2015, 2021. *Sejarah RTM: Lagu-lagu klasik dan filem-filem Melayu*. Kuala Lumpur: RTM
- Muhamad Hassan. (2022). Historical Research: Types, methods, and examples. *Research Method.net*. <https://researchmethod.net/historical-research/>
- Mavuso, M.P., Khalo, B.P, Kafu-Quvane & Olawumi, K.B. 2022. Climate change education as a means to protect the planet: A review of the relevant literature. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(3): 179-19
- Muro, D. 2015. Ethnicity, nationalism and social movements. In *The Oxford Handbook of Social Movements*, edited by Donatella della Porta and Mario Diani, 185-199. Oxford: Oxford University Press.
- Muir, R.1916. *Nationalism and Internationalism: The Culmination of Modern History*.

- London: Constable.
- Özkırımlı, U. 2017. *Theories of Nationalism: A Critical Introduction* (3<sup>rd</sup> Eds). London: Palgrave.
- Raja Aminah Abdullah, Raja Halijah Abdullah & Raja Kamaralzaman Mansur. 1960. The origin of Negaraku. *Malaya in History* 6:14-16.
- Raja Aminah Abdullah, Raja Halijah Abdullah & Raja Kamaralzaman Mansur. 1961. Asal lagu Negaraku. In *Tanah Melayu Dari Segi Sejarah*: 3-6.
- Perpustakaan Negara. 2003. Ucapan YAB Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri merangkap Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia. *Perasmian Mesyuarat tahunan Malis Persatuan Sejarah Malaysia 1976*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Perry, M. (2000). *National anthems: A call to arms*. Pennsylvania: Dickinson University. Available at [http://users.dickinson.edu/~history/product/perry/national\\_anthem.html](http://users.dickinson.edu/~history/product/perry/national_anthem.html)
- Saidah Rastam. 2014. *Rosalie, the other love song*. Strategic Info Research Development (SIRD): Malaysia.
- Saidah Rastam. 2017. My national anthem: What does it matter? *TedxKL Youtube*. Available at <https://www.youtube.com/watch?v=GeJ-5MZLxzwv>
- Shazlin A. H. July 24<sup>th</sup>, 2021. Negaraku: A celebrated tune in the Archipelago unifying force for Malaysia. *Focus Malaysia Website*. Available at <https://focusmalaysia.my/negaraku-a-celebrated-tune-in-the-archipelago-unifying-force-for-msia/>
- Shazlin A. H. 2018. *Negaraku: The national anthem binding Malaysians in integration*. Siri Kertas Kajian Etnik UKM. Institut Kajian Etnik UKM.
- Shazlin A. H. & Adil J. 2020. Malaysian music and social cohesion: Contemporary responses to popular patriotic songs from the 1950s-1990s. *Journal of Southeast Asian Studies*, 25(1): 191-209.
- Shazlin A. H. & Shamsul A.B. 2020. Lagu Malaysia Truly Asia Sentuhan Ahmad Nawab: Sebuah penjenamaan bangsa berakarkan rumpun Nusantara. *Malaysian Journal of Communication*, 37(2):37-52.
- Shazlin A. H. 2022. *Wajah Malaysia dalam gurindam lagu-lagu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Nurkhalilah Liana. (2020). *Nationalism and aesthetics in Negaraku: A Deconstructive Analysis*. Master thesis, Universiti Utara Malaysia. Perpustakaan Sultanah Bahiyah

- Shamsul, A.B. 1996. Debating about Identity in Malaysia : A Discourse Analysis. *Southeast Asian Studies*, 34(3): 476–499.
- Shamsul, A.B. 1996. *Nationalism and the nation: Concepts, controversies and cases*.  
Sabatical report: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul, A. B. & Mansor M. N. 2006. Multiculturalism in Malaysia: *Demokrasi*, 2(2), 187-190.
- Shamsul, A. B. 2001. A history of an identity, an identity of a history: The idea and practice of “Malayness” in Malaysia reconsidered. *Journal of Southeast Asian Studies*, 32(3): 355–366.
- Shamsul, A.B., & Sity Daud. 2006. *Nation, ethnicity and contending discourse in the Malaysian state*. In *State Making in Asia*. edited by Boyd, r. & Ngo, T.W., 131-140.
- Shamsul, A.B. (2007). Reconnecting 'the Nation' and 'the States'; The Malaysian experience. In, *Rethinking Ethnicity & Nation Building: Malaysia, Sri Lanka and Fiji in comparative perspective*, by Abdul Rahman Embong, 204-215. Persatuan Sains Social Malaysia.
- Shahabuddin, M. 2014. Primordialism and otherness: The “ethnic” underpinning of “minority” in international law. In *Allegiance and Identity in a Globalised World*, edited by Fiona, J., Mark, N. & Kim. R., Eds. 522-542. Cambridge: Cambridge University Press.
- Smith, A.D. 2000. *The Nation in History: Historiographical Debates about Ethnicity and Nationalism*. Cambridge: Polity Press.
- Smith, S.J. 1994. Soundscape in the arts. In *Soundscape and Listening*, edited by Rudi J., 232- 240. Notam Publisher.
- Sorjawati, R. 2021. Exploring interpersonal meanings on the discourse of the Indonesian national anthem from the CDA perspectives. *Studies in English Language and Education*, 8(1): 360–380. Available at <https://doi.org/10.19088/1968-2016.136>
- Straits Times. September, 21<sup>st</sup>, 1956. ‘*Anthems on the air*’, p 6.
- Suzan, A. 2008. Asal-usul lagu Negaraku. *iMuzik Website*. Available at [http://carmahlms.com/info\\_muzik/IMarticles/IMaulnk.htm](http://carmahlms.com/info_muzik/IMarticles/IMaulnk.htm)
- Voros, V., & Fekete, S. 2012. Word use and content analysis of six national anthems: Preliminary findings of a comparative cultural suicide research. *European Psychiatry* 27(1): 82-85

- 
- Waterman, S. 2019. National anthem and national symbolism: Singing the nation.  
In *Handbook of the changing world language map*, edited by Brunn & R. Kehrein.  
Springer
- Wimmer, A. 2013. *Ethnic Boundary Making: Institutions, Power, Networks*. Oxford: Oxford  
University Press.
- Zara, A. September 16<sup>th</sup>, 2021. How a song about Moonglow become the symbol of  
nationhood? *The Free Malaysia Today*. Available at  
[https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2021/09/16/how-a-song-about-  
moonglow-became-the-symbol-of-nationhood/](https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2021/09/16/how-a-song-about-moonglow-became-the-symbol-of-nationhood/)

Siti Nurkhalilah Liana Binti Shieakh Malik  
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
UiTM Shah Alam  
Shah Alam, Selangor  
MALAYSIA  
E-mail: [khalilahlianamalik@gmail.com](mailto:khalilahlianamalik@gmail.com)

Prof. Madya Dr Azizan Zainuddin (Corresponding author)  
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
UiTM Shah Alam  
Shah Alam, Selangor  
MALAYSIA  
E-mail: [azizan\\_zainuddin@uitm.edu.my](mailto:azizan_zainuddin@uitm.edu.my)

Dr Anida Mahmood  
Fakulti Pengajian Undang-undang  
UiTM Shah Alam  
Shah Alam, Selangor  
MALAYSIA  
E-mail: [anida131@uitm.edu.my](mailto:anida131@uitm.edu.my)